

26/08/2002

'Kerajaan dalam dilema tentukan peranan wanita'

Kadir Dikoh; Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan kini berhadapan dengan dilema sama ada untuk terus meningkatkan sumbangan tenaga wanita dalam pembangunan negara atau mengekalkan peranan mereka mendidik anak, semata-mata bagi mengatasi gejala sosial yang semakin berleluasa.

Perdana Menteri berkata, walaupun kerajaan mengiktiraf dan memerlukan sumbangan wanita dalam pembangunan negara, peranan wanita sebagai pendidik anak-anak juga tidak boleh diabaikan.

Beliau berkata, seperti kebanyakan negara moden, kebanyakan wanita Malaysia hari ini bersama-sama suami keluar rumah untuk menyumbang kepada ekonomi keluarga, masyarakat dan negara sehinggakan anak-anak terbiar tidak mendapat pendidikan sewajarnya.

"Anak-anak yang tidak mendapat didikan keluarga menyebabkan keluarga menjadi tidak bahagia. Oleh itu, pemeliharaan dan pendidikan anak-anak perlu diteruskan dengan berkesan.

"Malangnya, kita belum mendapat jawapan bagi menangani masalah ini. Kita sudah panjangkan cuti untuk wanita bersalin tetapi ia tidak mencukupi untuk mendidik anak-anak yang sedang membesar.

"Kita perlu mencari jalan keluar kepada masalah ini. Kita dapat lihat bagaimana liarnya anak-anak yang tidak berpendidikan ini. Soalnya, adakah kita perlu kembali ke zaman dulu kala, yang mana wanita tidak keluar sebaliknya duduk di rumah dan jaga anak?"

"Jika kita kembali ke zaman ini, kita akan kurang tenaga wanita. Ini bermakna kita akan kurang upaya untuk bersaing dengan kaum dan negara lain. Inilah dilema yang kita hadapi," katanya ketika berucap merasmikan Sambutan Hari Wanita 2002, di sini hari ini.

Kira-kira 15,000 rakyat menghadiri sambutan itu, termasuk isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Hendon Mahmood dan Menteri Pembangunan Wanita dan keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Turut serta menghadiri sambutan di Stadium Bukit Jalil, dekat sini ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, peranan guru juga amat penting dalam mendidik anak-anak.

"Oleh kerana ibu bekerja, kita berharap didikan anak-anak boleh dibuat oleh guru di sekolah. Kita berharap mereka bukan saja membekalkan ilmu tetapi turut memberi didikan akhlak.

"Namun, tugas ini tidak boleh diserahkan kepada guru agama semata-mata malah semua guru. Kita akui ini satu tanggungjawab yang besar namun, satu pertiga daripada kakitangan kerajaan adalah guru dan mereka boleh menjayakan matlamat ini.

"Malangnya, kita dapati ada yang tidak ambil berat dan mengabaikan tanggungjawab ini serta mengkhianati hasrat kerajaan untuk membentuk anak-anak yang berakhlak mulia," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, didikan agama dan moral juga didapati kurang berkesan kerana kaedah dan jenis pendidikan yang tidak disusun sedemikian rupa untuk melahirkan anak-anak yang lebih baik dan mulia kelakuannya.

Di samping itu, Dr Mahathir berkata, berlaku penyelewengan di kalangan guru agama, yang mana guru terbabit tidak mengajar agama sebaliknya

perkara yang bertentangan dengan ajaran agama.

"Oleh itu, anak-anak membesar dengan nilai tidak baik, yang tidak dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat," katanya.

Perdana Menteri berkata, langkah kerajaan menubuhkan sebuah kementerian khusus untuk pembangunan wanita dan keluarga adalah antara langkah untuk menangani masalah berkenaan.

Beliau berkata, dengan tertubuhnya Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga itu diharapkan dapat membentuk sikap, yang dapat membangunkan masyarakat yang lebih bahagia menerusi penguasaan ilmu.

Pada masa yang sama, Dr Mahathir berkata, badan-badan wanita dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga perlu memberi tumpuan kepada masalah itu dan bukan kepada isu politik semata-mata.